

# Demam denggi ragut 112 nyawa tahun lepas

PUTRAJAYA - Angka korban demam denggi di seluruh negara bertambah kepada 112 orang tahun lepas, meningkat berbanding hanya 98 kematian pada 2007.

Pengarah Jabatan Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Hasan Abdul Rahman berkata, sebanyak 49,335 kes demam denggi di-

catatkan tahun lepas, iaitu peningkatan satu peratus berbanding 48,846 kes pada tahun sebelumnya.

Katanya, bagi tempoh seminggu antara 28 Disember hingga 3 Januari lalu, sejumlah 1,157 kes dengan empat kematian dilaporkan.

Dua daripada empat kematian dilaporkan di Johor dan masing-masing

satu di Selangor dan Melaka, katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Jumlah kes yang dilaporkan pada minggu itu menunjukkan penurunan sebanyak sembilan peratus berbanding 1,269 kes minggu sebelumnya.

Namun pada masa sama empat negeri mencatatkan peningkatan kes iaitu Melaka (31 peratus), Sarawak

(31), Perak (17) dan 14 peratus di Terengganu.

Hasan berkata, bagi minggu sama, Selangor mencatat jumlah kes tertinggi dengan 595 kes, diikuti Perak (100), Kuala Lumpur (87), Johor (69) dan Pulau Pinang mencatatkan 60 kes manakala tiada kes dilaporkan di Labuan.

KOSMO 2/1/09 M/S 3